

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NG WEI AIK  
(TANJONG)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN NG WEI AIK [ TANJONG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan pemohon yang gagal mendapatkan pinjaman bank untuk membiayai pembelian rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik mengikut umur dan pendapatan bulanan mereka berikutan Bank Negara Malaysia yang melaksanakan peraturan-peraturan pinjaman perumahan yang lebih ketat sejak 5 Julai 2013.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh dari Oktober 2013 hingga September 2014, institusi-

institusi perbankan telah melaporkan kepada Bank Negara Malaysia (BNM) bahawa jumlah permohonan pinjaman bagi pembelian rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik yang ditolak adalah sebanyak 5,505 akaun berbanding dengan jumlah permohonan pinjaman yang diproses iaitu sebanyak 15,848 akaun. Kebiasaannya, permohonan pinjaman ditolak atas alasan pendapatan yang tidak mencukupi untuk menyelesaikan hutang sepanjang tempoh pinjaman serta tiada penampungan kewangan yang mencukupi untuk menghadapi kejadian yang tidak diingini. Walau bagaimanapun, institusi perbankan tidak dikehendaki mengemukakan kepada BNM data terperinci mengenai pemohon yang gagal mendapat pinjaman bank.

Bagi membantu individu yang tidak berjaya mendapat pinjaman perumahan dari institusi perbankan, pihak Kerajaan telah memperkenalkan Skim Sewa-Untuk-Membeli (*Rent-To-Own Scheme*) pada bulan September 2014. Melalui Skim Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) ini, individu boleh memiliki rumah sendiri setelah membayar sewa bulanan selama 20 hingga 30 tahun.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN NG WEI AIK  
[TANJONG]**

**SOALAN : 227**

Tuan Ng Wei Aik [ Tanjong ] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah tempat tambatan kapal (*berth*) ditambah panjangnya serta jejantas penghubung (*link bridge*) untuk pelawat-pelawat naik turun kapal di Swettenham Pier Cruise Terminal dapat ditingkatkan lagi, supaya dua kapal yang besar dapat ditambat di pelabuhan pada masa yang sama serta membawa imej yang baik kepada pelancong-pelancong asing.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada setakat ini Swettenham Pier Cruise Terminal (SPCT) boleh menambat 2 buah vessel pada satu-satu masa yang mana panjang keseluruhan setiap vessel adalah 200 meter. Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) memang mempunyai perancangan untuk membesar dan mempertingkatkan kemudahan di SPCT bagi menampung lebih banyak bilangan kapal *cruise* pada satu-satu masa dan juga menerima kapal *cruise* yang lebih besar. Pelan pembangunan adalah untuk memaju dan membangunkan lagi Swetthenham Pier Cruise Terminal (SPCT).

Namun begitu, segala perancangan dan pelan pembangunan tidak dapat dijalankan berikutan isu pertikaian tanah SPCT antara SPPP dengan pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2010.

Dalam pada itu, SPPP dan Ketua Menteri Pulau Pinang telahpun mengadakan pertemuan pada 12 Januari 2015 dan 5 Mac 2015 untuk membincangkan hak milik tanah SPCT serta rancangan pembangunannya.

Oleh itu, kerjasama dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah perlu disegerakan agar SPPP dapat melaksanakan pelan pembangunan SPCT secepat mungkin.

**SOALAN ( 228 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NG WEI AIK  
[ TANJONG ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN NG WEI AIK [ TANJONG ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan agar bilanya persetujuan dapat diperolehi daripada Kerajaan-Kerajaan Negeri melalui usul yang dibentang serta diterima oleh persidangan Dewan-Dewan Undangan Negeri, dan sama ada persetujuan terhadap tarikh pelaksanaan juga perlu diperoleh daripada Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT), supaya Akta Pengurusan Strata 2013 dapat dilaksanakan dalam tahun ini.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan ke-69 telah bersetuju supaya penetapan tarikh kuat kuasa Akta Pengurusan Strata 2013 akan ditetapkan oleh Menteri Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) selepas selesai perundingan dengan Pihak Berkuasa Negeri.

Kementerian sedang membuat susulan dengan Kerajaan Negeri berhubung dengan dua perkara berikut :-

- a) Kertas MMKN berkenaan penetapan tarikh kuatkuasa oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dan
- b) Ketetapan DUN bagi memberi kuasa kepada Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi melantik Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Anggota Tribunal, Setiausaha, pegawai serta kakitangan Tribunal Pengurusan Strata.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2015

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN  
[ JELUTONG ]**

**SOALAN : 229**

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah pampasan yang diberikan kepada semua penumpang yang terkorban dalam kedua-dua naas kapal terbang MH370 dan MH17 setakat ini.

## JAWAPAN

Jumlah pampasan yang dibayar kepada waris mangsa nahas penerbangan MH370 dan MH17 adalah dinilai berdasarkan *Montreal Convention 1999* dengan pembuktian kerugian (*subject to proof of loss*) yang ditanggung oleh setiap penumpang.

Dalam hubungan ini, MAS telah menawarkan bayaran pampasan pendahuluan (*Advance Compensation Payment (ACP)*) berjumlah USD50,000 sebagai sebahagian daripada bayaran pampasan penuh kepada setiap waris/keluarga penumpang MH370 dan MH17.

Setakat ini sebanyak 138 orang waris telah menerima bayaran pampasan pendahuluan bagi tragedi MH17 dan 38 orang waris bagi mangsa tragedi MH370.

Pihak MAS telah memaklumkan waris mangsa pesawat MH17 dan MH370 masing-masing pada 28 dan 29 Januari 2015 berhubung kesediaan pihak MAS untuk mengadakan rundingan mengenai bayaran pampasan penuh bagi kedua-dua insiden tersebut.

Bagi waris mangsa pesawat MH17, sehingga kini seramai 3 orang waris telah menyatakan kesediaan untuk mengadakan rundingan tersebut. Manakala, waris mangsa pesawat MH370, sehingga kini, masih belum ada seorang waris pun yang menghubungi MAS untuk mengadakan rundingan tersebut.